Garis Panduan dan Tatacara Memproses Permohonan Permit IPA Jenis B, C, D dan E

KELAYAKAN PERMOHONAN

1. Kelayakan untuk memohon permit adalah seperti tertakluk dalam Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 di bawah subkaedah 3(1) seperti berikut:

   - Syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
   - Individu warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
   - Orang atau golongan orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai layak; dan
   - Memegang perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) [hanya diwajibkan bagi permit IPA Jenis C sahaja] yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

2. Permohonan permit baru bagi Permit IPA Jenis B,C,D dan E hendaklah dibuat menggunakan borang Permohonan Permit Baru iaitu **Borang SPAN/P/1**. Permohonan juga boleh dibuat secara atas talian ("online") melalui e-Permit SPAN di laman sesawang SPAN www.span.gov.my .

3. Bagi permohonan secara online, pemohon boleh mendapatkan garis panduan serta tatacara permohonan dalam sistem e-Permit SPAN.

4. Permohonan bagi setiap kategori kerja boleh menggunakan **1 borang** dengan syarat pemohon dikehendaki menyatakan tujuan permit sama ada bagi menjalankan kerja-kerja sistem bekalan air atau sistem pembetungan atau kedua-duanya. Pemberian permit akan dipertimbangkan berdasarkan pengalaman pemohon di dalam mengendalikan kerja-kerja sistem bekalan air ataupun sistem pembetungan atau kedua-duanya.

5. Setiap permohonan permit IPA yang diterima akan disemak dengan menggunakan senarai semak yang disediakan bagi setiap jenis permit seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 bagi memastikan permohanan adalah lengkap dan teratur. Senarai semak tersebut perlu dikemukakan semasa permohonan dibuat. **Permohonan hanya akan diproses setelah semua maklumat dan dokumen lengkap diterima. Bagi permohonan yang tidak lengkap Bahagian Pelesenan akan memulangkan semula permohonan tersebut dan memaklumkan kepada pemohon secara bertulis.**

6. Bagi permohonan yang diterima secara online, **hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses**. Permohonan tersebut akan terus diterima melalui sistem e-Permit SPAN dan pegawai yang bertugas akan terus memproses permohonan tersebut. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan pemohon akan dimaklumkan terus secara online.

7. Bagi kerja-kerja pembetungan, pemohon **diwajibkan** mempunyai kakitangan atau pekerja yang memiliki sijil Kursus Ruang Terkurung (KRT) yang dikeluarkan oleh Persatuan Air Malaysia (MWA) dan National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) .

KATEGORI PERMIT DAN JENIS KERJA

8. Kategori kerja mengikut jenis permit:

8.1 **Permit IPA Jenis B**

8.1.1 Permit ini adalah bagi menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan paip sambungan persendirian kepada suatu pembetungan atau tempat rawatan kumbahan.

8.1.2 Kerja-kerja yang memerlukan permit ini adalah termasuk memasang paip sambungan persendirian dari sesebuah premis bagi membawa kumbahan ke suatu sistem pembetungan awam, tempat rawatan kumbahan, tangki septik individu atau tangki septik komunal.

8.2 **Permit IPA Jenis C**

8.2.1 Permit ini adalah bagi menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan.

8.2.2 Kategori kerja di bawah permit ini adalah seperti berikut:

- Sistem bekalan air;
- Sistem pembetungan; atau
- Sistem bekalan air dan pembetungan.

8.2.3 Permit ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu:

- **Jenis C1**: Bagi memasukkan tender dan/ atau mengusahakan projek atau kerja **melebihi RM10,000,000**

- **Jenis C2**: Bagi memasukkan tender dan/ atau mengusahakan projek atau kerja melebihi **RM2,000,000 tetapi tidak melebihi RM10,000,000**
- **Jenis C3**: Bagi memasukkan tender dan/ atau mengusahakan projek atau kerja melebihi **RM200,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000**

- **Jenis C4**: Bagi memasukkan tender dan/ atau mengusahakan projek atau kerja **tidak melebihi RM200,000**

<u>Kerja-kerja Bekalan Air</u>

8.2.4 Permit C adalah diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja bekalan air seperti berikut:

i. Kerja-kerja "*hot tapping*" di paip-paip awam. Sebelum menjalankan kerja-kerja ini, kontraktor atau pemegang permit perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- penebukan pada paip awam **diwajibkan** menggunakan "*hot tapping machine"* yang diluluskan;
- perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Operator/ Pihak Berkuasa Air Negeri yang berkenaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa Operator/ Pihak Berkuasa Air Negeri yang berkenaan tersedia maklum bahawa kerja-kerja penebukan akan dilakukan oleh kontraktor pada tarikh dan waktu yang ditetapkan; dan
- membuat apa-apa bayaran yang dikenakan dan mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Operator Air/ Pihak Berkuasa Air Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

ii. Kerja-kerja pemasangan sistem SCADA *(Supervisory Control And Data Acquisition)* dan telemetri. Permohonan hanya akan dipertimbangkan kepada kontraktor yang berpengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut dan mempunyai kakitangan teknikal yang berkelayakan dalam bidang kejuruteraan elektrikal, elektronik atau instrumentasi.

iii. Kerja-kerja pemasangan paip air seperti "pipe jacking".

iv. Kerja-kerja pemasangan peralatan elektrikal dan mekanikal yang berkaitan dengan sistem bekalan air.

8.2.5 Pemohon juga perlu memastikan mempunyai pekerja yang memiliki permit IPA jenis A1 atau A2 (permit tukang paip) atau mengambil khidmat tukang paip yang mempunyai pendaftaran permit IPA Jenis A dengan SPAN

<u>Kerja-kerja Pembetungan</u>

8.2.6 Permit C adalah diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pembetungan seperti berikut:

i. Kerja-kerja pemasangan sistem SCADA *(Supervisory Control And Data Acquisition)* dan telemetri. Permohonan hanya akan dipertimbangkan kepada kontraktor yang berpengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut dan mempunyai kakitangan teknikal yang berkelayakan dalam bidang kejuruteraan elektrikal, elektronik atau instrumentasi.

ii. Kerja-kerja pemasangan paip pembetungan seperti “pipe jacking”.

iii. Kerja-kerja pemasangan peralatan elektrikal dan mekanikal yang berkaitan dengan sistem pembetungan.

Lain-Lain Ketetapan

8.2.7 Pemohon yang memohon permit C1 dan C2 diwajibkan mempunyai jurutera yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) atau Institut Jurutera Malaysia (IJM). Sekiranya tidak mempunyai jurutera yang berdaftar, pemohon boleh melantik jurutera perunding yang berdaftar dengn LJM atau IJM dan mengemukakan dokumen perlantikan.

8.2.8 Pemohon mesti mempunyai perakuan pendaftaran yang sah dengan CIDB. Secara dasarnya, kategori permit yang akan diluluskan seperti 8.2.3 adalah tertakluk kepada gred CIDB yang dimiliki oleh pemohon. Justeru, nilai kerja yang hendak dilaksanakan di bawah permit ini hendaklah setara dengan gred CIDB.

Sebagai contoh, sekiranya gred CIDB pemohon adalah G5 (kerja-kerja tidak melebihi RM5 juta) maka permit yang layak

dipertimbangkan adalah sehingga Permit IPA Jenis C2 (kerja-kerja melebihi RM2 juta tetapi tidak melebihi RM10 juta). Ini bermakna pemohon hanya dibenar untuk mengusahakan nilai kerja atau projek setakat RM5 juta sahaja. Oleh itu, pemohon hendaklah menaiktaraf gred CIDB sedia ada sekiranya mereka ingin melaksanakan kerja seperti yang dibenarkan di bawah permit C2.

8.3 Permit IPA Jenis D

8.3.1 Permit ini bagi menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan tetapi yang tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut.

8.3.2 Kategori kerja di bawah permit ini adalah seperti berikut:

- Sistem bekalan air;
- Sistem pembetungan; atau
- Sistem bekalan air dan pembetungan.

8.3.3 Permit D adalah diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja penyenggaraan bekalan air dan pembetungan seperti berikut:

i. Kerja-kerja perkhidmatan penyenggaraan sistem SCADA *(Supervisory Control And Data Acquisition)* dan telemetri. Permohonan hanya akan dipertimbangkan kepada kontraktor yang berpengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut dan mempunyai kakitangan teknikal yang berkelayakan dalam bidang kejuruteraan elektrikal, elektronik atau instrumentasi.

ii. Kerja-Kerja penyenggaraan peralatan seperti pam dan motor di loji rawatan air atau loji pembetungan.

iii. Kerja-kerja perkhidmatan CCTV (Close Circuit Television) bagi sistem pembetungan.

iv. Kerja-kerja memindah dan melupus *"dry sludge"* dari loji rawatan kumbahan ke tapak pelupusan yang dibenarkan **(untuk kerja pembetungan sahaja)**.

8.3.4 Kerja-kerja penyenggaraan am seperti memotong rumput, memasang pagar, pembersihan kawasan, dan mengecat bangunan tidak memerlukan permit D.

8.4 Permit IPA Jenis E

8.4.1 Permit ini bagi mengusaha, menyedia atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar.

8.4.2 Permohonan bagi permit ini diwajibkan memperolehi kelulusan bagi perkara-perkara berikut:

i. Surat kelulusan/ kebenaran daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)/ Indah Water Konsortium (IWK)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tempat pelupusan enapcemar

ii. Permit daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) / Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi lori tangki yang digunakan bagi menjalankan kerja penyahenap cemar .

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMPROSES PERMOHONAN

9. Setiap jenis permit mempunyai senarai semak yang tersendiri bagi memudahkan permohonan diproses. Senarai semak yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Lampiran 1 : Permit Jenis B
- Lampiran 2 : Permit Jenis C
- Lampiran 3 : Permit Jenis D
- Lampiran 4 : Permit Jenis E

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses oleh SPAN dan akan dikembalikan kepada pemohon. Oleh itu, pemohon hendaklah memastikan setiap permohonan yang dihantar adalah lengkap dan teratur berpandukan senarai semak yang berkaitan.

10. Fi pemprosesan hendaklah disertakan bersama permohonan dengan menggunakan cek syarikat/wang pos/ kiriman wang/ bank draf atas nama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

11. Fi Pemprosesan bagi permohonan secara online boleh dibuat dengan menggunakan ”online payment”.

KELULUSAN DAN PENGELUARAN PERMIT

12. Surat kelulusan / penolakan bagi permohonan baru akan dikeluarkan dalam tempoh **14 hari** bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima. (permohonan secara manual / melalui kaunter)

13. Bagi permohonan baru secara online, kelulusan / penolakan akan dikeluarkan dalam tempoh **1 hari** bekerja. Walau bagaimanapun kelulusan yang diberi adalah tertakluk kepada penerimaan dokumen yang lengkap yang perlu juga dihantar kepada Bahagian Pelesenan & Tarif dalam tempoh **14 hari** dari

tarikh kelulusan dikeluarkan. Kelulusan tersebut akan **terbatal** sekiranya pemohon gagal mengemukakan dokumen tersebut selapas tempoh 14 hari yang tersebut tamat.

14. Permohonan permit secara online yang didapati mengandungi maklumat yang tidak benar atau palsu, kelulusan yang diberikan pada awalnya akan dibatalkan serta merta dan pihak SPAN akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

15. Permit yang berasingan akan dikeluarkan mengikut kategori kerja dan negeri yang berlainan kecuali bagi permit IPA jenis C. Sebagai contoh, Permit IPA jenis D akan diberi mengikut kategori kerja dan negeri manakala Permit IPA Jenis C akan diberi mengikut kategori kerja sahaja dan tidak mengikut negeri.

16. Permohonan permit baru yang diluluskan akan diberikan tempoh sah untuk **satu (1) tahun** sahaja.

17. Bayaran fi boleh dibuat dengan menggunakan "online payment" (bagi permohonan secara online sahaja), cek syarikat, bank draf, wang pos dan kiriman wang sahaja. Jumlah fi yang perlu dibayar berkenaan permit boleh dirujuk dalam Jadual Kedua Borang Permohonan Permit.

18. Permit akan dicetak dan dikeluarkan dalam **tempoh 7 hari bekerja** setelah semua bayaran fi memproses dan fi pemberian permit dibuat kepada SPAN serta telah mendapat pengesahan daripada Bahagian Kewangan SPAN yang bayaran tersebut telah dijelaskan di bank.

19. Sekiranya terdapat bayaran fi yang dikembalikan oleh pihak bank kerana sebab-sebab tertentu seperti cek dipulangkan atau kesalahan pada nama penerima, Bahagian Kewangan akan memaklumkan kepada Bahagian Pelesenan & Tarif secara bertulis untuk diambil tindakan segara.

20. Pemegang permit akan dimaklumkan mengenai syarat-syarat permit [di bawah subkaedah 7(1)] dan syarat-syarat tambahan (jika ada) dan perlu mengemukakan permohonan bagi pembaharuan permit **dua (2) bulan** sebelum tempoh permit tamat.

21. Permit akan dihantar oleh SPAN melalui pos atau boleh diambil sendiri oleh pemohon atau wakil (dengan surat perwakilan) di ibu pejabat SPAN. Pemohon juga boleh mengemukakan sampul pos ekspres berukuran 353mm x 250mm beralamat sendiri kepada SPAN. Pemohon dikehendaki membuat perakuan penerimaan setelah permit diterima dengan menghantar kembali borang perakuan penerimaan kepada SPAN.

Bahagian Pelesenan & Tarif
Jabatan Kawalselia Ekonomi & Sosial

LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK BAGI PERMIT IPA JENIS B

Menjalankan kerja yang perlu untuk menyambungkan suatu sambungan persendirian kepada suatu pembetungan atau tempat merawat kumbahan.

Nama Pemohon:_____

Sila pastikan kesemua dokumen di bawah telah disertakan bagi membolehkan permohonan diproses:

	BORANG SPAN/P/1 (Permohonan Baru) yang lengkap diisi, ditandatangan dan mempunyai cop syarikat.
	Bayaran Fi proses RM30.00 (bagi setiap negeri) menggunakan ***Cek Syarikat / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang sahaja*** atas nama ***SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA***
	Salinan Sijil Kursus Ruang Terkurung (KRT)/ Resit bayaran terkini kursus anjuran Persatuan Air Malaysia (MWA) / National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH).
	Senarai kerja atau projek yang pernah/ sedang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun terkini.

Dokumen Pendaftaran Syarikat (Sdn Bhd / Berhad / Milikan Tunggal / Perkongsian):

	Memorandum & Article of Association, Borang 9/13, Borang 24, Borang 44 dan Borang 49
	Borang A – Pendaftaran Perniagaan/ Akta Pandaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1978).
	Borang B – Pendaftaran Perubahan-Perubahan dalam Perniagaan 1956 *(jika ada).*
	Borang D – Perakuan Pendaftaran *(terkini).*

Disahkan oleh	:	Disemak oleh	:
Nama Pemohon	:	Nama Pegawai	:
Tarikh	:	Tarikh	:

LAMPIRAN 2

SENARAI SEMAK BAGI PERMIT IPA JENIS C

Menjalankan kerja pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan.

Nama Pemohon:_____

Sila pastikan kesemua dokumen di bawah telah disertakan bagi membolehkan permohonan diproses:

	BORANG SPAN/P/1 (Permohonan Baru) yang lengkap diisi, ditandatangan dan mempunyai cop syarikat.
	Bayaran Fi proses RM100.00 (bagi setiap kategori) menggunakan ***Cek/Bank Draf / Wang Pos/Kiriman Wang sahaja*** atas nama ***SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA***
	Salinan perakuan pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempoh.
	Salinan surat / sijil pendaftaran jurutera dengan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) atau Institut Jurutera Malaysia (IJM) atau salinan surat lantikan jurutera perunding yang berdaftar dengan LJM atau IJM. ***(bagi permohonan Permit C1 dan C2 sahaja)***
	Salinan Sijil Kursus Ruang Terkurung (KRT)/ Resit bayaran terkini kursus anjuran Persatuan Air Malaysia (MWA) / National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH). - ***wajib bagi kerja-kerja pembetungan.***
	Senarai kerja atau projek yang pernah/ sedang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun terkini.

Dokumen Pendaftaran Syarikat (Sdn Bhd/ Berhad / Milikan Tunggal / Perkongsian):

	Memorandum & Article of Association, Borang 9/13, Borang 24, Borang 44 dan Borang 49
	Borang A – Pendaftaran Perniagaan/ Akta Pandaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1978).
	Borang B – Pendaftaran Perubahan-Perubahan dalam Perniagaan 1956 *(jika ada).*
	Borang D – Perakuan Pendaftaran *(terkini).*

Disahkan oleh	:	Disemak oleh	:
Nama Pemohon	:	Nama Pegawai	:
Tarikh	:	Tarikh	:

LAMPIRAN 3

SENARAI SEMAK BAGI PERMIT IPA JENIS D

Menjalankan kerja perkhidmatan penyenggaraan bagi suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan tetapi tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut.

Nama Pemohon:_____

Sila pastikan kesemua dokumen di bawah telah disertakan bagi membolehkan permohonan diproses:

	BORANG SPAN/P/1 (Permohonan Baru) yang lengkap diisi, ditanda tangan dan mempunyai cop syarikat.
	Bayaran Fi proses RM30.00 (bagi setiap negeri) menggunakan ***Bank Draft/ Wang Pos/ Kiriman Wang sahaja*** atas nama ***SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA***
	Salinan Sijil Kursus Ruang Terkurung (KRT)/ Resit bayaran terkini kursus anjuran Persatuan Air Malaysia (MWA) / National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH). - ***wajib bagi kerja-kerja pembetungan.***
	Senarai kerja atau projek yang pernah / sedang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun terkini.

Dokumen Pendaftaran Syarikat (Sdn Bhd/ Berhad / Milikan Tunggal / Perkongsian):

	Memorandum & Article of Association, Borang 9/13, Borang 24, Borang 44 dan Borang 49
	Borang A – Pendaftaran Perniagaan/ Akta Pandaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1978).
	Borang B – Pendaftaran Perubahan-Perubahan dalam Perniagaan 1956 *(jika ada).*
	Borang D – Perakuan Pendaftaran *(terkini).*

Disahkan oleh	:	Disemak oleh	:
Nama Pemohon	:	Nama Pegawai	:
Tarikh	:	Tarikh	:

LAMPIRAN 4

SENARAI SEMAK BAGI PERMIT IPA JENIS E

Mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan penyahenap cemar.

Nama Pemohon:_____

Sila pastikan kesemua dokumen di bawah telah disertakan bagi membolehkan permohonan diproses:

	BORANG SPAN/P/1 (Permohonan Baru) *yang lengkap diisi, ditanda tangan dan mempunyai cop syarikat.*
	Bayaran Fi proses RM30.00 (bagi setiap negeri) menggunakan ***Bank Draft / Wang Pos/Kiriman Wang sahaja*** atas nama ***SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA***
	Permit daripada **Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)**/ **Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)** bagi lori tangki yang digunakan (sila sertakan dokumen hakmlilk seperti salinan geran / surat perjanjian jual beli / sewa beli) yang masih sah tempoh.
	Surat kebenaran / kelulusan bagi **tempat pelupusan enapcemar** daripada JAS / IWK / PBT bagi setiap negeri yang dipohon.
	Salinan Sijil Kursus Ruang Terkurung (KRT)/ Resit bayaran terkini kursus anjuran Persatuan Air Malaysia (MWA) / National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH). - ***wajib bagi kerja-kerja pembetungan.***
	Senarai kerja atau projek yang pernah/ sedang dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun terkini.

Dokumen Pendaftaran Syarikat (Sdn Bhd/ Berhad / Milikan Tunggal / Perkongsian):

	Memorandum & Article of Association, Borang 9/13, Borang 24, Borang 44 dan Borang 49
	Borang A – Pendaftaran Perniagaan/ Akta Pandaftaran Perniagaan 1956 (pindaan 1978).
	Borang B – Pendaftaran Perubahan-Perubahan dalam Perniagaan 1956 *(jika ada).*
	Borang D – Perakuan Pendaftaran *(terkini).*

Disahkan oleh	:	Disemak oleh	:
Nama Pemohon	:	Nama Pegawai	:
Tarikh	:	Tarikh	:

Proses Permohonan Permit Baru (Secara Manual)